

Wanita Indonesia dipenjara kerana masuk secara haram

KUCHING: Seorang wanita Indonesia dijatuhi hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah masuk ke negara ini secara haram.

Hakim Iris Awen Jon yang mengarahkan hukuman penjara bagi Eva Risti, 22, untuk dikuatkuasakan semalam, turut memerintahkan dia dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Eva didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 6(3) akta yang sama.

Seksyen ini memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disabit sehingga enam kali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, Eva ditahan sekitar jam 3.30 petang, 1 Jun 2026 di sebuah kedai makan di Taman Malihah, Jalan Batu Kawa di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dengan kegiatan perjudian tambah nilai dalam talian.

Hasil pemeriksaan mendapati tertuduh yang berasal dari Indonesia gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanannya sah yang membenarkannya memasuki dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap untuk tindakan lanjut.



KEPENJARA: Eva (kiri) diiring polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching, semalam.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng.

Sementara itu, Eva yang turut dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas tuduhan bermain judi di tempat awam, dijatuhi hukuman penjara dua bulan berkuat kuasa semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali setelah Eva mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman denda sehingga RM5,000 atau

penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, Eva didapati telah bermain judi dalam talian di tempat awam yang dilakukannya pada masa dan di tempat sama.

Turut dirampas daripada Eva adalah sebuah telefon bimbit, sekeping kad tertulis ID dan kata laluan serta wang tunai RM146.

Pendakwaan bagi kes di Mahkamah Majistret dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan.

Eva tidak diwakili peguam.